



PRAKATA



Y.BHG. ESA BIN HAJI AHMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Port Dickson adalah satu pelan tindakan jangka masa panjang bagi pembangunan landskap Daerah Port Dickson agar lebih efektif dan terancang selaras dengan matlamat, objektif dan skop kajian. Strategi pembangunan landskap Daerah Port Dickson dalam tempoh 10 tahun telah dirangka di dalam kajian ini di mana ia melibatkan pembangunan taman-taman awam, kawasan rekreasi, kawasan sumber landskap semulajadi, landskap budaya, bandar dan pekan di Daerah Port Dickson.

Perancangan yang komprehensif dapat meningkatkan kualiti persekitaran Port Dickson dalam menyediakan pembangunan fizikal yang seimbang. Perancangan ini melibatkan usaha pembangunan landskap yang mengenengahkan keunikan sumber semulajadi Daerah Port Dickson yang akan digunakan secara efektif kelak. Kajian ini juga diharapkan akan menjadi panduan penting oleh semua pihak bukan sahaja kepada Majlis Perbandaran Port Dickson, malahan kepada agensi pelaksana yang lain seperti perunding landskap, pemaju, badan bukan kerajaan, orang awam dan pelancong dalam usaha untuk membangunkan Daerah Port Dickson sebagai daerah pelancongan yang unggul dan bertaraf antarabangsa berteraskan sumber pantai, kepulauan dan alam semulajadinya.

Akhir kata, saya percaya bahawa hasil kajian ini amat bermanfaat kepada semua pihak khususnya kepada penduduk Port Dickson dalam memajukan lagi pembangunan landskap semasa Daerah Port Dickson ke arah menjadikan **Port Dickson : Bandar Pelancongan Negara**. Pada masa hadapan semoga landskap di daerah ini akan lebih beridentiti dan berimejkan keunikan serta keistimewaan Daerah Port Dickson kepada semua pihak yang menjalankan kajian ini, saya ucapkan ribuan terima kasih.

ESA BIN HJ. AHMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

